

DALAM era kecerdasan buatan (AI) yang kian berkembang, pelbagai alat berasaskan teknologi itu mula muncul, antaranya ChatGPT yang mencekutkan perubahan besar dalam landskap pendidikan negara, terutama di institusi pengajian tinggi (IPT).

ChatGPT sebagai alat bantuan belajar menawarkan manfaat besar dalam perkara-perkara seperti penjaan esei, kreativiti dalam penulisan, analisis data serta penyelidikan selain berkeupayaan menjawab soalan kompleks sekilas mata.

Namun, di sebalik manfaat yang ditawarkan itu wujud kebimbangan salah guna, khususnya apabila penuntut menggunakan AI untuk menyiapkan tugas secara "automatik", tanpa pemahaman sebenar terhadap tajuk tugas yang dikuas, atau dengan kata lain "penipuan akademik".

Kewujudan AI menyukarkan usaha mengesan kegiatan itu menerusi kaedah plagiarisme konvensional, dan lebih membimbangkan apabila kebergantungan pada alat tersebut mengaburkan sempadan antara usaha sendiri dan hasil bantuan teknologi pintar, yang seterusnya membuka ruang kepada isu etika dan pedagogi.

Mengulas isu itu, Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia Prof Madya Dr Mohd Khairie Ahmad menjelaskan falsafah teknologi ialah untuk memudahkan dan meningkatkan keupayaan sesuatu hal, justeru penggunaan AI dalam pembelajaran bergantung pada konteks.

"AI generatif merupakan generasi teknologi yang mempunyai keupayaan menghasilkan sesuatu yang sebelum ini memerlukan daya fikir dan usaha manusia. AI pastinya mampu menghasilkan tugas atau kerja kursus pelajar."


"Jika kebergantungan menyeluruh terhadap AI diamalkan pelajar, tidak mustahil fenomena ini merencatkan pembelajaran mereka. Fenomena penggunaan AI secara tidak bertanggungjawab atau tidak beretika dalam menghasilkan tugas yang didakwa dihasilkan sendiri dikenali sebagai 'Aljarisme' atau plagiarisme AI," katanya kepada Bernama.

Berkongsi situasi kecurangan akademik seperti memplagiat secara digital bukanlah sesuatu yang baharu, Mohd Khairie berkata dengan perkembangan teknologi AI, salah laku akademik juga menjadi dinamik.

Mohd Khairie berkata sejak AI generatif menjadi popular sekitar 2022, dunia pendidikan tinggi khususnya, telah sedar dan menjangkakan cabaran yang dibawa.

"Diakui bahawa penggunaan AI dalam

AI di IPT: Antara sempadan manfaat teknologi dan etika



PENGUNAAN AI dalam pembelajaran, khususnya penghasilan tugas sudah menjadi lumrah sejak setahun dua ini. - Foto Agensi

pembelajaran, khususnya penghasilan tugas sudah menjadi lumrah sejak setahun dua ini. Hingga kini memang terdapat pelajar yang bergantung penuh pada AI dalam penghasilan tugas, menjawab ujian atau kuiz. Lebih-lebih lagi apabila dilaksanakan secara dalam talian.

"Ramai pelajar menganggap perbuatan tersebut tidak salah memandangkan penggunaan AI adalah sesuatu yang sah dan ia bukan teknologi terlarang. Namun, perkara itu dianggap sebagai satu perbuatan yang tidak beretika kerana bukan hasil daripada usaha kognitif atau pemikiran pelajar itu sendiri. Malah perbuatan tersebut disifatkan sebagai satu bentuk plagiat."

"Lazimnya para pensyarah menilai tugas pelajar dengan mengukur tahap persamaan, dan kini menerusi pengeasan AI. Antara aplikasi AI yang boleh digunakan untuk mengesan plagiarisme AI ialah Turnitin, GPTZero, Winston AI, Originality.ai, Copyleaks AI Detector dan PerfectEssayWriter.ai," katanya, menambah penilaian terhadap gaya serta struktur bahasa dan isi kandungan tugas yang dihasilkan turut dilihat bagi mengesan pelanggaran integriti akademik.

Tidak menolak tenaga pengajar khususnya golongan pensyarah juga menggunakan teknologi AI untuk tujuan

pengajaran dan penyelidikan, beliau bagaimanapun menekankan tiada kompromi apabila melanggar prinsip integriti akademik.

Menurut Mohd Khairie, dunia pendidikan tinggi mempraktikkan amalan menghormati dan menghargai karya-karya ilmiah yang lepas.

"Sesuatu hasil ilmiah memerlukan pembacaan dan pencernaan penulisan sebelum ini dalam proses melahirkan pemikiran atau idea baharu. Inilah ciri utama penulisan ilmiah dan menjadi rukun penulisan akademik memberi pengiktirafan kepada rujukan-rujukan yang dibuat dengan sekurang-kurangnya menyenaraikannya."

"Dalam konteks AI menjadi kaedah yang produktif dan membantu kerja-kerja ilmiah, maka adalah beretika bagi sebarang penggunaan AI dinyatakan dengan jelas penggunaannya serta wajar disenaraikan sumber AI yang digunakan untuk memperoleh maklumat, idea dan sebagainya," katanya.

Menjawab persoalan adakah IPT mempunyai garis panduan jelas mengenai penggunaan AI oleh penuntut dan pensyarah, Mohd Khairie berkata dalam pengetahuannya, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) antara yang terawal menyatakan dengan ringkas panduan penggunaan AI generatif melalui Notis

Nasihat kepada semua IPT di Malaysia pada 2023.

Mohd Khairie berkata pada 2024 pula, Universiti Teknologi Malaysia telah menerbitkan garis panduan yang lebih khusus kepada pendidik dan pelajar dalam mengaplikasikan AI generatif. Garis panduan tersebut memfokuskan pada penggunaan AI yang sah, bertanggungjawab, telus, boleh dipercayai, beretika serta bertepatan nilai, peraturan dan perundangan.

"Memandangkan AI sudah menjadi asas dan rutin dalam proses pengajaran-pembelajaran, semua IPT sewajarnya mempunyai garis panduan AI Generatif yang lebih jelas dan khusus. Malah, garis panduan itu juga kemudiannya perlu selari dengan Akta AI yang sedang digubal oleh Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (Naio), Kementerian Digital," katanya.

Menyifatkan pendekatan terbaik ialah mendidik pelajar menggunakan AI secara beretika dan bertanggungjawab, iaitu sebagai alat bantu pembelajaran dan bukan jalan pintas menyiapkan tugas, beliau berkata perkara itu penting memandangkan AI bakal menjadi alat wajib bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti pembelajaran.

"Penggunaan AI wajar difahamkan sebagai bukan hasil akhir tetapi sebagai sebuah proses dalam membantu kegiatan kognitif (pemikiran) pelajar. Jika ini tidak berlaku, tidak mustahil penyakit digital seperti 'brainrot' (kelesuan mental) akan turut berlaku dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswa."

"AI ialah sebuah fenomena yang tidak dapat dielakkan, dan pada masa sama sebagai satu keperluan masa kini, justeru pendedahan serta pengamalan AI sebagai alat sokongan pembelajaran perlu diangkat sebagai nilai dan pembudayaan."

"Sebuah kajian yang dijalankan oleh penerbit terkemuka antarabangsa iaitu Wiley, menunjukkan pada 2024 AI telah menyumbang kepada peningkatan 72 peratus kecurangan akademik berbanding 2021 di Amerika Syarikat dan Kanada. Namun, bimbingan penggunaan AI yang bertanggungjawab dan beretika oleh para pendidik didapati berpotensi mengurangkan kecurangan akademik pelajar," katanya.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Siber (MCCA) berpandangan peningkatan penggunaan AI khususnya ChatGPT dalam kalangan penuntut IPT sebagai satu isyarat jelas bahawa pendidikan tinggi sedang berdepan dengan transformasi teknologi yang mendalam.

Presidennya Siraj Jalil berkata AI bukan lagi alat masa depan sebaliknya menjadi sebahagian daripada ekosistem semasa di IPT.

"MCCA tidak melihat isu ini sebagai ancaman secara mutlak ataupun peluang yang bebas risiko. Ia berada pada ruang kelabu yang boleh membawa manfaat atau kemudaratan, bergantung pada cara penggunaan."

"Jika seorang mahasiswa menggunakan AI untuk mempercepat kefahaman subjek yang mereka pelajari, menjana idea atau membantu menyusun pemikiran, maka ia dapat membentuk kemajuan. Namun, jika ia digunakan sepenuhnya tanpa penglibatan akal, pemikiran kritikal dan nilai tanggungjawab, maka ia jelas mencabar integriti akademik."

"Oleh itu, bagi MCCA, inilah masanya untuk IPT menilai semula pendekatan penilaian dan pembelajaran, bukan menolak AI daripada kaedah pembelajaran tetapi untuk membentuk satu rangka kerja yang membolehkan AI dimanfaatkan secara beretika dan berkesan," jelasnya.

Kebimbangan segelintir pensyarah akan perkara ini turut dianggap sesuatu yang harus dipandang serius, beliau berkata MCCA menerima banyak maklum balas secara langsung daripada warga pensyarah bahawa berlaku peningkatan mendadak jumlah pelajar yang menyerahkan tugas dijan hampir sepenuhnya oleh AI.

"Ini bukan sahaja mengganggu proses penilaian akademik mereka, malah menimbulkan ketidakketentuan dari sudut estetika dan nilai akademik berkenaan. Penyelesaian kepada isu ini bukanlah sekadar mengenakan sekatan atau hukuman semata-mata, tetapi dengan mewujudkan satu ekosistem akademik yang lebih bertanggungjawab dan berfokus pada etika bahkan mungkin ke tahap pembentukan penanda aras baharu akademik yang menjangkau penggunaan AI." - Bernama